

| | | | |
|-------------|--|-------------|--------------------|
| Headline | Saya hanya tegur, bukan suruh letak jawatan Dr M | | |
| MediaTitle | Harian Ekspres (KK) | | |
| Date | 20 Aug 2014 | Language | Malay |
| Circulation | 29,826 | Readership | 97,836 |
| Section | Tempatan | Color | Full Color |
| Page No | 2 | ArticleSize | 97 cm ² |
| AdValue | RM 500 | PR Value | RM 1,499 |
| | | | |



Saya hanya tegur, bukan suruh letak jawatan: Dr M

K U A L A
LUMPUR: Tun Dr
M a h a t h i r
M o h a m a d
(gambar) berkata
beliau tidak berniat
meminta Datuk
Seri Najib Tun
Razak meletak
jawatan, sebaliknya
hanya memberi teguran
terhadap Perdana Menteri
dalam catatan terbaru
dalam blognya.



“Saya tidak kata dia (Najib) patut letak jawatan, saya cuma tidak setuju dengan sebahagian daripada dasar dia.

“Ia (tegur) itu bukan bersifat peribadi. Orang lain tak tegur dia, jadi saya tegur la,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Institut Kecemerlangan Pengajian Baitulmaqdis, Universiti Utara Malaysia (IEIJS-UUM) di sini.

Bekas perdana menteri itu dalam catatan blognya sebelum ini berkata, beliau menegur pentadbiran Najib kerana berpendapat pemimpin yang tidak ditegur akan percaya segala yang dilakukan oleh mereka adalah baik belaka. Katanya, hanya apabila ditegur sahaja pemimpin akan sedar kesalahan yang dilakukan dan mungkin memperbetulkannya.

Dr Mahathir berkata beliau menegur* menerusi blognya kerana telah berulang kali menegur pentadbiran Najib tetapi tiada sebarang tindakan yang diambil. – Bernama